

Kuasa mengampun turut dipinda

B.H 31 DEC 1971

Oleh Jamudin Idris, Kamal Ahmad,
Shahrizal Sanusi dan Khalid Amin

KUALA LUMPUR, Rabu — Pindaan Perlembagaan untuk melucutkan kekebalan raja-raja di segi undang-undang akan turut membabitkan sebahagian daripada kuasa pengampunan oleh raja dan pindaan ke atas peruntukan berkenaan hasutan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pindaan-pindaan susulan itu perlu dibuat untuk memastikan keberkesanan pindaan berhubung kekebalan itu.

Parlimen akan bersidang selama tiga hari mulai 18 Januari ini untuk membahaskan pindaan berkenaan.

“Apabila diluluskan, raja-raja tidak berkuasa mengampunkan diri sendiri dan keluarga terdekat seperti anak sama ada membabitkan kes jenayah atau sivil,” katanya kepada pemberita selepas menemui kira-kira 2,000 pemimpin Umno 153 bahagian dari seluruh negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang ini.

kenakan tindakan di bawah perkara hasutan,” tegasnya.

Menaenai draf pindaan Perlembagaan, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, draf berkenaan sudah diterima daripada Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman.

Katanya, draf itu akan dikaji oleh Kabinet dan Majlis Tertinggi (MT) Umno terlebih dahulu sebelum dibawa ke Parlimen.

Perdana Menteri juga berkata, draf pindaan Perlembagaan bagi melucutkan kekebalan raja di segi undang-undang itu akan dibawa ke Majlis Raja-Raja selepas ia diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Mengenai Perkara 38 (4) dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyebut bahawa “tiada sebarang undang-undang yang secara langsung membabitkan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran raja-raja tidak boleh diluluskan oleh

Menurutnya, kuasa pengampunan masih ada tetapi ia mungkin dipindahkan kepada raja lain supaya raja tidak boleh mengampunkan kesalahannya sendiri atau mereka yang berdekatan dengannya.

"Jemaah Pengampunan masih ada bagi menimbang kes lam yang tidak membabitkan diri sendiri tetapi untuk kepentingan ramai," katanya.

Bagi kes-kes lain, raja-raja masih duduk dalam Lembaga Pengampunan.

Dr Mahathir berkata, perkara mengenai hasutan juga dipinda kerana sebarang dakwaan terhadap raja yang meluakan kesalahan termasuk dalam tafsiran hasutan.

Sebagai contoh, jika seseorang membuat aduan di balai polis mengenai tindakan raja melakukan jenayah, itu dengan sendiri dikatakan hasutan.

"Kerana ia dianggap hasutan, pihak berkenaan tidak akan membuat dakwaan kerana ia boleh di-

Parlimen tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja," beliau berkata, "apa yang hendak dibentangkan nanti ialah rang undang-undang dan bukan undang-undana.

Mengenai perjumpaan khas hari ini, beliau berkata, ia bertujuan menjelaskan hasrat kerajaan meminda Perlembagaan bagi melucutkan kekebalan raja sambil memper-tahankan Raja Berperlembagaan.

Katanya, tindakan melucutkan kekebalan raja perlu kerana jika ini tidak dilakukan mungkin ada raja yang terus melakukan jenayah dan ini memburukkan institusi raja dan rakyat tidak menghormatinya.

"Berkenaan perkara berhubung hasutan, pindaan adalah perlu kerana sebarang dakwaan terhadap raja yang melakukan kesalahan masuk dalam tafsiran hasutan... iaitu kalau seorang pergi ke balai polis untuk mendakwa raja melakukan sesuatu

LIHAT MUKA 2

(Bukan untuk dapat persetujuan

DARI MUKA 1

BH 31 DEC 1992

jenayah itu dengan sendirinya adalah hasutan," katanya.

"Kalau laporan polis itu satu hasutan, ia akan menghalang orang ramai daripada membuat aduan mengenai sebarang kesalahan jenayah yang dilakukan raja-raja.

"Dtngan ini, kita harus pinda dan hapuskan peruntukan berkenaan dengan hasutan dalam Per-

lembagaan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, pertemuan di antara pemimpin tertinggi Umno dengan Majlis Raja-Raja pada 16 Januari ini bukan bertujuan mendapatkan persetujuan daripada majlis itu berkenaan pindaan ke atas perlembagaan itu.

"Persetujuan akan halnya dipohon selepas rang undang-undang dilulus-

kan oleh Parlimen kerana di peringkat rang undang-undang dibahaskan di Parlimen ia belum menjadi undang-undang...jadi kita berhak membahaskannya di Parlimen walaupun tidak mendapat persetujuan raja-raja.

"Selepas itu barulah persetujuan raja-raja diperlukan dan jika persetujuan diberikan, ketika itu undang-undang akan

menjadi sah," katanya.

Beliau yakin Majlis Raja-Raja akan memberikan persetujuan ke atas rang undang-undang itu.

Perdana Menteri juga berkata, persetujuan yang diperlukan untuk mengesahkan undang-undang dalam hubungan ini adalah persetujuan majoriti dan bukannya persetujuan sebulat suara oleh Majlis Raja-Raja.